

Melayu wajar berterima kasih

SHAH ALAM, Jumaat – Rakyat termasuk bangsa Melayu perlu berterima kasih atas segala kesenangan dan kemudahan yang disediakan kerajaan, kata Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad.

Katanya, tugas menyediakan kemudahan kepada rakyat sememangnya menjadi tanggungjawab kerajaan, namun kejayaan matlamat itu bergantung kepada bagaimana ia dilaksanakan.

Dalam hal ini, katanya, rakyat khususnya bangsa Melayu harus berterima kasih kepada kerajaan yang bukan saja berjaya membebaskan orang Melayu daripada kemiskinan malah membolehkan mereka menikmati kejayaan setanding bangsa lain, baik di dalam mahupun luar negara.

“Orang Melayu di negara ini kini memiliki 20 peratus daripada kekayaan negara berbanding hanya dua peratus pada tahun 70-an.

“Malah, pada masa ini hanya segelintir iaitu kira-kira empat peratus orang Melayu dikelaskan sebagai terlalu miskin berbanding kira-kira 78 peratus dalam tempoh yang sama,” katanya ketika merasmikan Minggu Wawasan Siswa Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sesi Jun 2000, di sini hari ini.

Sehubungan itu, Musa mengingatkan generasi baru

supaya menghayati hakikat itu dan meneruskan perjuangan bagi menjamin kesinambungan kesejahteraan orang Melayu dan rakyat keseluruhannya.

Kira-kira 20,823 pelajar baru pelbagai peringkat mendaftar diri di UiTM kampus induk dan cawangannya di

seluruh negara.

Selain itu, Musa juga mengingatkan pelajar supaya membayar balik pinjaman pendidikan bagi membolehkan lebih ramai pelajar khususnya dari keluarga berpendapatan rendah melanjutkan pelajaran tanpa perlu memikirkan tentang pembiayaan.

Beliau juga menasihatkan pelajar supaya membuang sikap negatif, yang menjadi punca kegagalan pelajar Melayu dan Bumiputera di institusi pengajian tinggi.

Selain suka ponteng kelas, katanya, pelajar Melayu juga didapati tidak sukamempelajari lebih daripada lingkungan

bidang yang diceburi, tidak suka membaca dan kurang bersedia sebelum ke kuliah.

“Sikap negatif ini harus diatasi atau ia akan menggagalkan matlamat Malaysia menjadi negara maju disebabkan status sosio-ekonomi kaum yang masih tidak seimbang,” katanya.